

SULIT
3756/1
**Prinsip
Perakaunan**
Kertas 1
Ogos 2019
1 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PANITIA PRINSIP PERAKAUNAN**

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
(3756/1)**

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak .

Jawab **semua** soalan

1. Pernyataan manakah menerangkan ciri yang betul bagi Klinik Dr. Sheikh dan Rakan-rakan ?

- A Liabiliti tidak terhad
- B Bilangan minimum ahli 50 orang
- C Agihan keuntungan dalam bentuk dividen
- D Sumber modal daripada penjualan syer.

2. Puan Minah pemilik Kedai Buku MOS telah memulangkan enam buah buku matematik kepada pembekal kerana rosak.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan Puan Minah?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada Kesan	Bertambah
B	Berkurang	Tiada Kesan	Berkurang
C	Bertambah	Bertambah	Tiada Kesan
D	Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan

3. Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?

- A Rugi atas jualan aset bukan semasa
- B Faedah pinjaman bank
- C Insurans peribadi
- D Promosi

4. Puan Adila seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan nota serahan dan invoice. Selepas beberapa hari kemudian beliau mendapati bahawa invoice tersebut telah terkurang caj?

Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Adila kepada pelanggannya untuk membetulkan invoice tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

5. Kedai Alatan Elektrik Maju telah membeli barang berikut secara kredit pada 15 April 2019.

	RM
30 unit kipas silling berharga RM 120 seunit	3 600
50 unit cerek berharga RM 60 seunit	3 000
Jumlah	<u>6 600</u>
Diskaun niaga 20%	
Diskaun tunai : 10% 15 hari	

Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Alatan Elektrik Maju jika pembayaran dibuat pada 25 April 2019?

- A RM 4 620
- B RM 4 752
- C RM 5 280
- D RM 5 940

6. Data berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

		RM
1 Jul. 2019	Jumlah penerimaan	200
1 – 31 Jul 2019	Jumlah pembayaran	170
1 Ogos 2019	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM 30
 - B RM 170
 - C RM 200
 - D RM 370
7. Rekod urusan niaga di dalam buku catatan pertama dibuat berdasarkan dokumen sumber.
Pilih padanan yang tepat

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Pulangan Belian	Nota Kredit (Asal)
B	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Debit (Asal)
C	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
D	Jurnal Belian	Invois (Salinan)

8. Petikan akaun berikut diperolehi daripada buku seorang peniaga?

Akaun Kawalan Belum Terima			
2019		2019	
Jul. 1	Baki b/b	Jul. 31	Bank
			Diskaun diberi
31	Faedah		Pulangan Jualan
	Bank (Cek tak layan)		Hutang Lapuk
			Baki h/b
	RM		RM
	400		4 750
	100		250
	180		140
			110
			380

Berapakah jumlah jualan kredit ?

- A RM 380
 B RM 680
 C RM 4 950
 D RM 5 630
9. Peniaga membayar sewa kediamannya dengan menggunakan wang perniagaan. Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut ?

	Debit	Kredit
A	Akaun Sewa	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Sewa
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Sewa	Akaun Modal

10. Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku Pemborong buah-buahan.

Jurnal Pulangan Jualan			
Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2019			
Jul 14	Paskal	NK244	90
15	Mimie	MNK1007	<u>10</u>
31	Akaun Pulangan Jualan		<u>100</u>

Apakah catatan yang direkodkan dalam Akaun Pulangan Jualan pada 31 Julai 2019?

A

Akaun Pulangan Jualan			
	2019		RM
	Jul. 31	Akaun Belum Terima	100

B

Akaun Pulangan Jualan			
2019			RM
Jul. 14	Paskal		90
15	Mimie		10

C

Akaun Pulangan Jualan			
	2019		RM
	Jul. 14	Paskal	90
	15	Mimie	10

D

Akaun Pulangan Jualan			
2019			RM
Jul. 31	Akaun Belum		
	Terima		100

11. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang Imbangan Duga

- I Menguji ketepatan catatan bergu
- II Membetulkan kesilapan melalui Jurnal Khas
- III Mempamerkan Jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
- IV Mengandungi senarai baki ang diambil daripada lejar.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Butir yang manakah dicatat dalam Akaun Perdagangan dan Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Inventori awal
- B Inventori akhir
- C Gaji belum bayar
- D Insurans prabayar

13. Kedai Maju Jaya membayar RM 2 400 untuk insurans kedai pada 1 Ogos 2018. Insurans yang dibayar akan mencapai tempoh matangnya pada 31 Julai 2019 .

Pilih catatan yang **benar** dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2018 ?

	Penyata Pendapatan	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM 2 400	Insurans prabayar RM 1 400
B	Insurans RM 2 400	Insurans prabayar RM 1 000
C	Insurans RM 1 000	Insurans prabayar RM 2 400
D	Insurans RM 1 000	Insurans prabayar RM 1 400

14. Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Winnie pada 31 Julai 2019.

	(RM)
Sewa belum bayar 1 Ogos 2018	1 200
Bayaran sewa	7 600
Sewa Tahunan	7 200

Berapakah sewa belum bayar bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM 400
- B RM 800
- C RM 1 200
- D RM 1 600

15. Topman Enterprise membeli sebuah van bernilai RM 56 000. Penggunaan van dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh perakaunan, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM 7 000. Berapakah susut nilai tahunan van tersebut?

- A RM 4 900.
- B RM 5 600
- C RM 6 300
- D RM 1 700

16. Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Peace.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2019		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	4 800	
Peruntukan Hutang Ragu		216

Syarikat telah memutuskan bahawa 2% daripada Akaun Belum Terima diwujudkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Apakah kesan terhadap hasil atau belanja syarikat?

- A Hasil bertambah RM 120.
- B Hasil berkurang RM 96.
- C Belanja bertambah RM 120.
- D Belanja berkurang RM 96.

17. Akaun berikut diperoleh daripada buku Seri Petra Trading

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat

2019		RM	2019		RM
Jul 31	Alatan Pejabat	4 000	Jul. 31	Susut nilai terkumpul	1 600
	X	400		Bank	2 800
		<u>4 400</u>			<u>4 400</u>

Apakah X?

- A Baki b/b
- B Susut nilai
- C Rugi pelupusan
- D Untung pelupusan

18. Bayaran cukai jalan RM 4 500 untuk tiga buah kenderaan pada 10 Ogos 2019 telah tersilap catat dalam Akaun Kenderaan.

Apakah catatan Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan tersebut?

A

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit(RM)
Ogos.10	Cukai Jalan Kenderaan	4 500	
	Kenderaan		4 500

B

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit(RM)
Ogos.10	Cukai Jalan Kenderaan	4 500	
	Bank		4 500

C

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit(RM)
Ogos.10	Kenderaan	4 500	
	Cukai Jalan Kenderaan		4 500

D

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit(RM)
Ogos.10	Kenderaan	4 500	
	Bank		4 500

19. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Pintar Reno.

Butir	RM
Inventori pada 1 Januari 2018	8 340
Inventori pada 31 Disember 2018	7 620
Untung kasar	6 950
Kadar pusing ganti inventori	7 kali

Berapakah kos jualan ?

- A RM 48 650
- B RM 53 340
- C RM 55 860
- D RM 58 380

20. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa dua buah perniagaan.

Nisbah Semasa	Perniagaan Indah	Makmur Enterprise
	2 : 1	3 : 1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Makmur Enterprise memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Perniagaan Indah
- B Kedudukan untung keseluruhan Makmur Enterprise adalah lebih baik berbanding Perniagaan Indah
- C Harga jualan Makmur Enterprise lebih tinggi berbanding harga jualan Perniagaan Indah
- D Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa

21. Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan.

$\text{Modal Akhir} + X - Y - \text{Modal Awal}$
--

Apakah X dan Y

	X	Y
A	Modal Tambahan	Ambilan
B	Modal Kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal Tambahan
D	Modal	Modal Kerja

22. Maklumat berikut diperolehi daripada akaun Kedai Runcit Armani. Tahun kewangan berakhir pada 31 Julai 2019

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (Overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada tarikh itu?

- A RM 16 250
 - B RM 19 250
 - C RM 19 750
 - D RM 22 750
23. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Batu Embun yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir 31 Julai 2019.

	1 Ogos 2018	31 Julai 2019
	RM	RM
Gaji belum bayar	450	1 200
Gaji sebanyak RM 2 350 telah dibayar dengan cek pada 28 Julai 2019		

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut ?

- A RM 1 600
- B RM 2 350
- C RM 3 100
- D RM 4 000

24. Kejadian banjir besar di Bandar Temerloh, Pahang telah menyebabkan sebahagian rekod perakaunan Perniagaan Tekstil Qaseh musnah.

Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan pendapatan bagi Perniagaan Tekstil Qaseh?

- A Kaedah Garis Lurus
- B Kaedah Perbandingan
- C Kaedah Penilaian Semula
- D Kaedah Baki Berkurangan

25. Encik Aimeen mendapati baki buku tunai berbeza dengan baki penyata bank. Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

- I Caj bank
- II Cek yang belum diterima
- III Dividen yang dikreditkan ke bank
- IV Cek yang belum dikemuka

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

26. Anggaran belian berikut dimiliki oleh Perniagaan Wawasan.

	RM
Januari	1 800
Februari	2 000
Maklumat Tambahan	
60% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya	

Berapakah bayaran pada bulan Februari?

- A RM 2 280
- B RM 2 000
- C RM 1 920
- D RM 1 200

27. Urusniaga manakah yang akan diambil kira dalam penyediaan Penyata Belanjawan Tunai?

- A Ansuran bulanan kenderaan
- B Kenderaan dibeli secara kredit
- C Susut nilai terkumpul kenderaan
- D Membawa masuk kenderaan sebagai modal

28. Apakah butiran yang terdapat dalam ekuiti pemilik perkongsian?

- A Ambilan
- B Untung bersih
- C Akaun semasa
- D Faedah atas modal

29. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Munirah:

	RM
Modal Murni	30 000
Modal Airah	40 000
Faedah atas modal	5% setahun
Airah membawa masuk modal tambahan pada 1 Oktober 2018 sebanyak RM 2 000.	

Berapakah jumlah faedah atas modal Airah bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2018?

- A RM 350
- B RM 525
- C RM 2 025
- D RM 2 100

30. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Ikatan Perkongsian
 - B Perjanjian Perkongsian
 - C Akta Perkongsian 1961
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
31. Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?
- I Ambilan yang banyak
 - II Sumbangan modal yang besar
 - III Nilai aset yang diambil alih rendah
 - IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
32. Perkongsian Amanah dan Ikhlas telah dibubarkan. Jumlah aset RM 62 000 telah direalisasikan sebanyak RM 60 000. Belanja realisasi bernilai RM 1 000 dan liabiliti perkongsian RM 2 600
- Berapakah rugi realisasi?
- A RM 2 000
 - B RM 3 000
 - C RM 3 600
 - D RM 4 600

33. Maklumat berikut berkaitan modal Yakni SS Berhad.

Modal diterbitkan

2 500 000 syer biasa RM 1 setiap satu

2 500 000 8% syer keutamaan RM 2 setiap satu

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah nilai modal yang diterbitkan?

- A RM 3 000 000
- B RM 4 500 000
- C RM 7 500 000
- D RM 10 000 000

34. Syarikat Roman Berhad memiliki syer seperti berikut.

100 000 unit 10% syer keutamaan RM 1.00 sesyer
200 000 unit syer biasa RM 0.50 sesyer.

Pada tahun 2019, syarikat telah membuat agihan dividen seperti berikut:

Agihan Keuntungan	
Syer Keutamaan RM 10 000	Syer Biasa RM 20 000

Berapakah kadar dividen syer biasa yang diperuntukan?

- A 10%
- B 15%
- C 20%
- D 30%

35. Kelab Tennis Berlin mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2018, beki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab

	RM
Yuran belum terima	510
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, kelab ini menerima yuran sebanyak RM 5 250.

Jumlah ini termasuk RM 150 yang diterima bagi tahun 2018

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2018?

- A RM 5 600
- B RM 5 360
- C RM 4 990
- D RM 4 840

36. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Badminton Seri Karisma .

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	RM		RM
Kadar bayaran	200	Yuran	2 450
Elaun jurulatih	500		
M	1 750		
	2 450		2 450

Apakah **M** ?

- A Lebihan
- B Kurangan
- C Baki akhir
- D Untung bersih

37. Maklumat di bawah adalah perbezaan antara kelab dan persatuan dengan entiti perniagaan .

Kelab dan Persatuan	Entiti Perniagaan
Lebihan aset daripada liabiliti ialah dana terkumpul	Lebihan aset daripada liabiliti ialah modal

Apakah aspek perbezaan bagi maklumat di atas?

- A Ekuiti Pemilik
 - B Sumber Maklumat
 - C Penerimaan dan Pembayaran
 - D Pendapatan dan Perbelanjaan
38. Kilang Kek Palezzo merupakan pembekal kek dan roti di sekita Bandar Baru Lipis. Antara yang berikut, manakah kos tetap kilang tersebut?

- I Angkutan masuk bahan langsung
 - II Upah operator pengeluaran
 - III Susut nilai mesin
 - IV Sewa kilang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran pakaian sukan di Lipis pada 31 Disember 2018.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 600
Gaji operator kilang	7 500
Sewa kilang	4 400
Elektrik dan air kilang	1 090

Maklumat Tambahan :

- i) Alatan kilang disusutnilaika pada kadar 15% setahun atas ks.
- ii) Eletrik dan air kilang belum bayar RM 480.

Berapakah kos overhed?

- A RM 19 110
- B RM 20 070
- C RM 26 610
- D RM 27 090

40. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Minas.

Titik Pulang Modal	500 unit
Kos Tetap	RM 1 000
Kos Berubah	RM 3 seunit

Berapakah harga jualan seunit?

- A RM 6.00
- B RM 5.00
- C RM 3.50
- D RM 1.50

KERTAS SOALAN TAMAT